

## **PENERAPAN PENDIDIKAN CELIK KEWANGAN DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU**

Khairiah Abdulmajid Harharah  
Sadhana Yusop

Sekolah Rendah Temasek

Rosnidar Arshad  
Wahida Abdul Wahid

Sekolah Rendah Yu Neng

### **Abstrak**

Adalah penting bagi setiap murid memahami tentang pengurusan kewangan. Untuk membantu murid memahaminya dengan lebih mendalam, pendidikan celik kewangan perlu diterapkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai celik kewangan yang merangkumi kesedaran, daya pemikiran kritikal, aspirasi dan perancangan dalam pembelajaran bahasa Melayu yang melibatkan komponen lisan, kefahaman dan karangan dalam suasana pembelajaran yang autentik. Tugasan kajian yang diberi menyusuli pembelajaran berdasarkan pengalaman dalam bentuk darmawisata, mewujudkan pembelajaran kendiri serta kolaboratif yang berteraskan ICT dengan penggunaan *Glogster* dan *Google Doc* dan *iPad*. Hasil kajian yang berbentuk kualitatif menunjukkan bahawa 100% murid memperoleh taraf celik kewangan yang disasarkan dan 92.9% murid menyuarakan pendapat yang positif tentang program yang telah mereka jalani.

## Pengenalan

Hampir 50% daripada para pelajar Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Yu Neng merupakan murid di bawah Skim Bantuan Kewangan. Penyelidikan latar belakang yang dibuat menunjukkan bahawa mereka berasal daripada keluarga yang menghadapi pelbagai masalah pentadbiran rumah tangga yang disebabkan atau menyebabkan wujudnya masalah kewangan dalam memenuhi tuntutan ekonomi yang menekan. Oleh yang demikian, telah wujud hasrat para guru Bahasa Melayu untuk membantu murid, bukan sahaja dengan memberi sokongan moral tetapi melangkah setapak lagi dengan mendidik mereka agar dapat membebaskan diri daripada lingkaran musibah dalam kehidupan.

Secara kebetulan, Sekolah Rendah Yu Neng telah terpilih untuk menyertai program Celik Kewangan yang ditaja oleh Citi-NIE, sebuah badan yang merupakan gabungan kepakaran cendekiawan Institut Pendidikan Nasional dengan Citibank. Kesemua jabatan di sekolah ini telah diminta mengemukakan cadangan pukal pelajaran bagi pendidikan Celik Kewangan untuk dipilih sebagai penerima tajaan Citi-NIE. Cadangan dari Jabatan Bahasa Melayu telah terpilih sebagai penerima tajaan tertinggi yang bernilai \$1000.

Jabatan Bahasa Melayu telah memilih untuk melibatkan para pelajar Darjah 6 dalam pukal pembelajaran (learning package) yang dirancangkan sebagai kegiatan selepas peperiksaan PSLE. Demi menjangkau lebih jauh lagi dalam mendidik murid dalam masyarakat Melayu, jabatan ini diminta melibatkan sekurang-kurangnya sebuah sekolah lagi dalam Kelompok E2 untuk menyertai program yang dijalankan. Sekolah Rendah Temasek telah terpilih berdasarkan pengalaman kerjasama pada masa lalu.

Pukal pembelajaran yang dirancang bertujuan mewujudkan kesedaran murid tentang kos memenuhi

keperluan hidup dan peranan bank dalam perancangan kewangan serta melatih mereka membuat pilihan-pilihan yang bijaksana demi memastikan mereka memiliki kesihatan kewangan di hari muka. Secara tidak langsung, murid juga harus memperoleh aspirasi untuk maju dalam pelajaran demi memperoleh pendapatan yang bersesuaian dengan keadaan hidup hari muka yang mereka idamkan. Di samping itu, pukal pembelajaran memastikan pembelajaran melibatkan pengasahan kemahiran murid dalam penggunaan bahasa Melayu dalam bentuk lisan dan penulisan dan juga dalam menggunakan ICT sebagai platform pelajaran kendiri dan kolaboratif. Demi memperoleh keberkesanan maksimum, suasana yang autentik diwujudkan dan aspek kebudayaan Melayu diterapkan.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini telah dijalankan dengan tujuan yang berikut:

1. menimbulkan kesedaran murid-murid Darjah 6 tentang tuntutan kewangan dalam kehidupan;
2. menimbulkan kesedaran murid tentang perlunya membuat persiapan awal dan mengamalkan tabiat sentiasa merancang perbelanjaan berserta simpanan dengan bijaksana melalui aktiviti bahasa; dan
3. membantu murid membuat perancangan dari segi kewangan.

Di akhir program, murid harus berupaya menggambarkan keupayaan mereka merancang belanjawan bulanan berdasarkan kos kehidupan masa kini melalui aktiviti yang mereka telah pelajari dan hasil kajian yang dilakukan melalui internet, brosur, wawancara dan juga darmawisata ke tempat-tempat membeli barang-barang keperluan harian, dan kemudiannya dikongsi bersama di lelaman *Glogster* dan

*Google Doc.* Gambaran harus dibuat melalui penulisan karangan dengan tajuk ‘Sebulan Dalam Kehidupan \_\_\_\_\_ (nama watak rekaan)’. Isi karangan harus menyertakan latar belakang watak yang diceritakan termasuk taraf pendidikan, jenis pekerjaan yang dijawatnya dan juga anggota keluarga yang perlu ditanggung jika ada.

## **Permasalahan Kajian**

Pendidikan yang berkaitan dengan nilai kehidupan memerlukan pendekatan yang melibatkan naluri dan kepekaan selain daripada keupayaan berfikir. Kami berpendapat bahawa pengalaman merupakan pengajaran yang paling berkesan.

Soalan kajian yang harus dihuraikan melalui projek ini adalah:

- Dapatkah pembelajaran bahasa Melayu berasaskan pengalaman dalam suasana autentik menerapkan celik kewangan ke dalam jiwa murid-murid Darjah 6?

## **Kajian Lepas**

Smith (2001) mengesyorkan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman melibatkan murid secara aktif mengalami sendiri sesuatu situasi dan kemudian membuat renungan. Menurut beliau, pendidikan yang tercetus melalui penyertaan secara langsung dalam peristiwa kehidupan amat berkesan memandangkan begitulah manusia sebenarnya memperoleh pendidikan dalam kehidupan seharian.

Profesor Emeritus Lewis Mandell (2006) melalui kajiannya menyatakan bahawa tiada kesan signifikan yang diperoleh melalui pendidikan celik kewangan dalam bilik darjah dan kebiasaan buruk berkaitan dengan kewangan telah menjadi kebiasaan dalam diri golongan remaja melalui pengalaman dan pemerhatian dalam kehidupan seharian keluarga mereka. Oleh

yang demikian, Pembelajaran Celik Kewangan harus berasaskan pengalaman sebenar dan harus diterapkan dari usia praremaja, iaitu, antara umur 8 hingga 12 tahun.

Dalam usaha mendidik anak-anak dan para pelajar tentang celik kewangan walaupun kurang menitikberatkan faktor usia, Babbage (2009) menekankan pentingnya pembelajaran dalam suasana autentik yang berbentuk amali dan berasaskan pengalaman.

## **Kaedah Kajian**

Kajian yang dijalankan berbentuk bukan eksperimental dan melibatkan 70 orang murid Darjah 6 dari Sekolah Rendah Yu Neng dan Sekolah Rendah Temasek. Ukuran keberhasilan kajian dibuat berdasarkan analisis kandungan penulisan karangan murid yang dijadikan pengukur bagi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diraih pada akhir pukal pelajaran. Maklum balas murid yang diperoleh melalui temubual juga diambil kira dalam mengukur keberkesanan pembelajaran.

## **Subjek Kajian**

Kajian ini melibatkan 70 orang murid lelaki dan perempuan Darjah 6 yang berusia antara 11 hingga 12 tahun dari Sekolah Rendah Yu neng dan Sekolah Rendah Temasek.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti yang berikut:

1. Praujian dalam bentuk perbincangan dan pembentangan secara berkumpulan
2. Tugasan berasaskan pengalaman (Intervensi 1)

3. Tugasan kajian melalui internet, brosur dan wawancara (Intervensi 2)
4. Pascaujian dalam bentuk karangan individu
5. Maklum balas murid yang diperoleh melalui temu bual

Data yang dikumpulkan bagi tujuan analisis pencapaian objektif adalah markah yang murid peroleh bagi bahagian Isi karangan yang dihasilkan secara individu. Markah diberi berdasarkan rubrik yang telah dimaklumkan kepada semua murid. Seorang murid dari setiap kumpulan juga dipilih secara rambang untuk memberikan maklum balas mengenai tahap pengetahuan yang diraih dan juga pandangan mereka terhadap keseluruhan pelajaran yang telah dilalui.

### Prosedur Kajian

Prosedur perlaksanaan pelajaran yang dijalankan selama enam hari yang berteraskan pembelajaran berdasarkan pengalaman, pembelajaran kendiri dan pembelajaran kolaboratif, adalah seperti berikut:

1. Tayangan video filem ‘Bujang Lapok’ sebagai penerapan budaya diikuti dengan perbincangan serta pembentangan penghuraian masalah yang dipaparkan dalam video secara berkumpulan. Bahan ini digunakan untuk merangkumi aspek kefahaman, karangan dan lisan.
2. Darmawisata ke Pasar Geylang Serai sebagai penerapan budaya dan NTUC Joo Chiat sambil mengumpulkan data senarai harga barang dengan menggunakan templat di *Google Doc* melalui *iPad*.
3. Kajian secara berkumpulan melalui internet, brosur dan wawancara perseorangan berkenaan kaitan kelulusan

dengan jenis pekerjaan dan tangga gaji, kos perumahan, kos pengangkutan, sistem perbankan dan sebagainya. Setiap kumpulan diberikan topik kajian yang khusus.


4. Perkongsian hasil kajian kumpulan di lelaman *Glogster*.
5. Penulisan karangan secara individu dengan tajuk ‘Sebulan dalam Kehidupan \_\_\_\_\_ (nama watak rekaan)’. Karangan harus memaparkan kelulusan watak, pekerjaan dan pendapatannya, latarbelakang hidupnya dan cara dia merancang perbelanjaan bulanannya.
6. Hasil kerja berkumpulan dan karangan individu dinilai berdasarkan rubrik dan hadiah-hadiah tempat pertama hingga ketiga berserta 2 hadiah sagu hati yang ditaja oleh pihak Citi-NIE diberikan kepada pemenang kumpulan dan individu.

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian dikumpulkan dan dianalisis daripada tugas penulisan yang dilakukan oleh murid termasuklah keupayaan murid membuat renungan dan penulisan karangan yang menggambarkan kehidupan sebenar serta menonjolkan keupayaan membuat perancangan dari segi kewangan.

Dapatan hasil semakan karangan menunjukkan pencapaian bahagian isi seperti yang terpapar dalam Rajah 1.

Rajah 1: Isi



Memandangkan sebanyak 100% daripada murid yang mengikuti pembelajaran memperoleh sekurang-kurang markah lulus bagi bahagian isi karangan yang ditulis, secara kualitatif, pembelajaran murid boleh dianggap telah mencapai tahap keberkesanan yang tinggi. Namun, tanggapan keberkesanan ini belum boleh dijadikan ukuran yang sahih kerana pengetahuan sedia ada murid sebelum perlaksanaan pukal pelajaran tidak dapat diukur secara ekstensif dan daya tahan hasil pembelajaran dalam ingatan murid hanya dapat dikesan melalui pemerhatian dalam jangka masa yang lebih panjang.

Analisis data ini juga menunjukkan bahawa walaupun tiada murid yang gagal, didapati tiada juga murid yang memperoleh markah cemerlang, iaitu 19 hingga 20. Markah tertinggi yang diperoleh ialah 18 dan hanya 6 orang daripada 70 orang murid yang memperoleh markah 16 hingga 18, iaitu 8.6%. Dapat dirumuskan bahawa dalam jangka masa enam hari, walaupun murid-murid didedahkan kepada pelbagai maklumat melalui tugasan amali, keupayaan murid-murid mengingati, memproses dan menyusun maklumat dalam perancangan yang berbentuk karangan kreatif masih agak terhad memandangkan keupayaan berfikir pada usia praremaja pada umumnya masih terhad jangkauannya. Oleh yang

demikian, pembelajaran ini tidak sesuai bagi murid-murid Darjah 5 dan 6.

Temu bual juga dijalankan bagi mengukur impak pembelajaran ke atas murid secara peribadi. Seorang murid dari 14 kumpulan peserta telah diminta mewakili kumpulan dalam menjawab beberapa soalan yang berdasarkan tanggapan mereka terhadap pembelajaran tersebut. Di antara soalan-soalan yang diajukan ialah:

1. Apakah yang telah dipelajari?
2. Apakah kesan pembelajaran itu terhadap mereka?
3. Apakah kegiatan yang paling menarik bagi mereka?
4. Bagaimanakah pengetahuan itu dapat mereka gunakan dalam kehidupan?

Jawapan yang diberikan oleh 13 peserta yang ditemu bual adalah serupa. Mereka mempelajari tentang harga barang bagi keperluan hidup dan juga tentang persiapan yang perlu mereka laksanakan demi memperoleh pekerjaan yang dapat memenuhi tuntutan hidup mereka di masa hadapan. Mereka akan mengamalkan perancangan perbelanjaan dan menabung serta mempertingkat usaha dalam pelajaran. Mereka dapati darmawisata ke pasar Geylang Serai dan NTUC Fairprice Joo Chiat amat menarik kerana mereka diberi peluang membuat tugas kajian menggunakan *iPad*. Hanya seorang yang ditemubual menyatakan rasa kurang berpuas hati dengan pembelajaran yang telah dijalani. Murid tersebut kurang berpuas hati hanya kerana dia tidak meminati filem-filem klasik seperti filem yang telah ditayangkan dan dia terasa penat mengunjungi kawasan pasar serta dia lebih suka sekiranya dapat gunakan *iPad* secara perseorangan dan tidak dikongsi secara berkumpulan. Kajian ini mendapati bahawa penghayatan dan keberkesanan pembelajaran berdasarkan tanggapan murid ialah 92.9%.

## Kesimpulan

Pembelajaran yang berbentuk penerapan nilai berjimat cermat dan membuat persediaan awal dalam kehidupan seperti ini memerlukan logistik yang ekstensif dan persiapan yang teliti serta meluas. Ukuran tahap keberkesanan sukar diperoleh secara kuantitatif memandangkan tahap kesahihan ukuran kuantitatif itu sukar dipastikan dan memerlukan jangka masa yang amat panjang. Bentuk pembelajaran berdasarkan pengalaman merupakan bentuk pembelajaran yang paling sesuai dan berkesan memandangkan nilai kehidupan hanya dapat diperoleh melalui pengalaman yang sebenar. Dalam keadaan keterbatasan waktu, bentuk pembelajaran kendiri dan pembelajaran kolaboratif dapat dijadikan pemangkin kepada pembelajaran berdasarkan pengalaman secara berkesan dalam penerapan nilai. Suasana pembelajaran yang turut menerapkan ciri-ciri budaya menjadikan pembelajaran Celik Kewangan ini sesuai dijadikan salah satu topik dalam pembelajaran Bahasa Melayu, terutama bagi komponen karangan, lisan dan kefahaman. Namun, kematangan fikiran dan keupayaan pemikiran tinggi merupakan kriteria bagi penyertaan pakej pelajaran ini. Oleh itu, pembelajaran hanya sesuai dijadikan kegiatan selepas peperiksaan PSLE bagi murid-murid Darjah 6.

## Rujukan

- Babbage, Keen J. (2009). *Extreme Economics : Teaching Children and Teenagers About Money*. Lanham, Maryland Rowman & Littlefield Education
- Gandell, Stephen (2006). Everything You Know About Kids and Money is Wrong: Classes That Teach Kids About Money Are Failing. *Here's What Parents And Teachers Must Do Now*. Dipetik pada 24 September, 2011 dari

[http://money.cnn.com/magazines/moneymag/moneymag\\_archive/2006/08/01/8382223/index.htm](http://money.cnn.com/magazines/moneymag/moneymag_archive/2006/08/01/8382223/index.htm)

Lewis Mandell (2006). *Financial Literacy: Improving Education* (2006). USA.

Smith, Mark K., dari Infed (2001). David a. Kolb on *Experiential Learning*. Dipetik pada 25 September dari <http://www.infed.org/biblio/b-explrn.htm>

University at Buffalo School of Management (2011). Lewis Mandell: Professor Emeritus - Finance and Managerial Economics Department. Dipetik pada 1 Mac, 2012 dari <http://mgt.buffalo.edu/faculty/academic/finance/faculty/lewm>